

Headline	TNB tak pernah lantik ejen		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	26
ArticleSize	84 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,793		



TNB tak pernah lantik ejen

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengingatkan pengguna agar tidak terpengaruh dan tertipu dengan ejen persendirian atau sindiket dalam urusan pembayaran bil elektrik.

Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna), Bahagian Pembahagian TNB, Kamaliah Kadir berkata, TNB tidak pernah melantik mana-mana ejen persendirian sebagai pihak ketiga bagi urusan pembayaran bil elektrik.

“Orang ramai diingatkan supaya tidak terpengaruh dengan taktik digunakan sindiket untuk mendapatkan bayaran bil elektrik daripada pengguna.

“Malah, kami menerima aduan daripada pengguna yang tertipu dengan sindiket itu yang

“

Kami menerima aduan daripada pengguna yang tertipu dengan sindiket itu yang menawarkan diskaun terhadap bil mereka sehingga 45 peratus”

Kamaliah

menawarkan diskaun terhadap bil mereka sehingga 45 peratus,” katanya.

Kamaliah berkata, TNB menyediakan pelbagai saluran pembayaran bagi memudahkan pengguna dengan memastikan mereka mendapat maklumat tepat berkaitan pembayaran bil elektrik bulanan.